



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

INISIATIF PAJAKAN LOKOMOTIF & GERABAK “PAY-AS-USE” MEMPERKASAKAN INDUSTRI KARGO REL MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2025 – Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), dengan kerjasama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan SMH Rail Sdn. Bhd. dalam memacu transformasi sektor rel Malaysia, khususnya operasi perkeretapian kargo telah melancarkan inisiatif pajakan lokomotif dan wagon secara “Pay-As-Use” yang diadakan di Stesen Sentul hari ini.

Inisiatif ini didorong oleh nilai tambah pengangkutan rel yang membawa kepada kecekapan dan keberkesanan kos pengendalian logistik serta keupayaan mengangkut muatan barangan dalam kuantiti yang besar dan selamat. Ia turut memperkasakan pengeluar dan pemain industri rel tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar selari dengan komitmen kerajaan dalam menyokong industri rel tempatan lantas memperkukuh keupayaan industri nasional selain dari mod pengangkutan rendah karbon seiring dengan agenda Kerajaan dalam mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

Menurut Anthony Loke "Model pajakan 'Pay-As-Use' ini mencerminkan pendekatan mampan dalam memperkukuh ekosistem rel negara. Dengan memanfaatkan kerjasama bersama pemain industri tempatan, KTMB dapat memperluaskan operasi kargo tanpa beban pelaburan modal yang tinggi, disamping memperkasakan kepakaran pembuatan rel tempatan. Ini adalah pelan mampan bagi mengurangkan kebergantungan kepada rantai bekalan antarabangsa serta mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi dalam sektor rel."

Penglibatan RAC sebagai pemilik aset rel memastikan inisiatif ini sejajar dengan agenda nasional bagi mengoptimumkan infrastruktur rel, meningkatkan penyertaan industri tempatan, menggalakkan penyelesaian pengangkutan yang lebih mesra alam, serta memodenkan operasi kargo. Dalam masa yang sama, penyertaan SMH Rail menyerlahkan peranan Kerjasama Awam Swasta dalam memacu kemajuan industri rel negara.

Setelah berjaya menjalani ujian dan pemerakuan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), KTMB, RAC, dan SMH Rail Sdn. Bhd. terus komited dalam memastikan sektor rel Malaysia kekal berdaya saing, mampan, dan bersedia menghadapi masa depan.

Inisiatif pajakan "Pay-As-Use" ini adalah sebahagian daripada visi jangka panjang KTMB untuk pertumbuhan mampan industri rel, menjadikan KTMB Kargo sebagai pemain logistik utama di Malaysia serta peneraju serantau. Perancangan masa hadapan termasuk memperluaskan program pajakan kepada lebih banyak syarikat tempatan, meneroka penggunaan lokomotif cekap tenaga, serta menyokong pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara.

Majlis ini turut disertai oleh wakil-wakil utama industri logistik dan kargo termasuk Allied Container Depot, BHL Global, Borderail Logistics Sdn. Bhd., CIMA, CMA CGM, COSCO Shipping Line, DB Schenker, Dong Hua Forwarding, dan EAE Freight. Kehadiran pemegang taruh industri ini mengukuhkan lagi komitmen terhadap pembangunan sektor rel negara sebagai tulang belakang sistem logistik yang mampan dan efisien.

TAMAT

Tentang KTMB:

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ialah pengendali perkhidmatan pengangkutan rel negara di sepanjang 1,655km rangkaian kereta api dengan 84 stesen dan 68 perhentian di seluruh Semenanjung Malaysia. KTMB menyediakan pekhidmatan penumpang (ETS, KTM Intercity dan KTM Komuter) dan barangan (KTM Kargo)

Pertanyaan media, hubungi:

- | | |
|-------------------------------------|-----------------------|
| 1. <i>Noor Shahdiella Abd Manan</i> | <i>(019-324 6036)</i> |
| 2. <i>Nurul Asyura Abdul Rahman</i> | <i>(018-278 9784)</i> |
| 3. <i>Mohd Hafeezul Kadron</i> | <i>(017-268 6337)</i> |

Tentang RAC

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan

bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Aset Keretapi

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan Mispani
E-mel : salfarizan@rac.gov.my
No Tel: 012-659 4256

Umum:
No Tel: 603-8939 0200
No Faks: 603-8939 022

Tentang SMH Rail

SMH Rail adalah pengeluar dan penyedia perkhidmatan rolling stock swasta terbesar di Malaysia dan ASEAN. Ditubuhkan pada tahun 1998, syarikat ini mempunyai lebih daripada 25 tahun kepakaran kejuruteraan rel dengan produk dan perkhidmatan terasnya merangkumi pembuatan dan pembaharuan rolling stock, serta perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO). Dengan memanfaatkan teknologi canggih dan kerjasama strategik, SMH Rail mempunyai jejak global di lebih daripada 20 negara yang merangkumi Asia Selatan, Afrika dan Timur Tengah. Dengan fokus pada kualiti, kebolehpercayaan, dan kelestarian, SMH Rail terus memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan pengangkutan rel, memacu pertumbuhan ekonomi, dan meningkatkan kesalinghubungan di seluruh wilayah. Untuk maklumat lanjut, layari laman web SMH Rail Malaysia di www.smhrail.com.my.